

20/04/2001

Rahim, Affifuddin tumpuan pemilihan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Penyertaan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan cabaran terhadap bekas Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, adalah antara tumpuan pemilihan pada mesyuarat Umno bahagian hujung minggu ini.

Turut menarik perhatian adalah persaingan merebut jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu antara bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff dan bekas Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Saad Man, selain cabaran terhadap Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin di Melaka.

Sebanyak 53 lagi Umno bahagian akan mengadakan mesyuarat selama tiga hari mulai esok, selepas 61 bahagian berbuat demikian setakat ini sejak bermula pada 1 April.

Baki 51 bahagian lagi akan bermesyuarat minggu depan sehingga selesai 29 April ini.

Di MELAKA, Abdul Rahim sekali lagi akan mencabar penyandang jawatan Ketua Umno Bahagian Kota Melaka, Datuk Amid Nordin, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam usahanya merampas semula jawatan itu.

Amid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Alai dicalonkan oleh 26 daripada jumlah 45 cawangan di bahagian itu manakala Abdul Rahim, 19 pencalonan. Pada pemilihan 1997, Abdul Rahim tewas 43 undi kepada Amid.

Abu Zahar pula yang mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Jasin dicabar Timbalannya, Datuk Ahmad Hamzah, yang juga Exco negeri.

Di KEDAH, Saad melepaskan jawatan Naib Ketua Bahagian Kubang Pasu untuk berdepan penyandang timbalan ketua bahagiannya, Osman yang juga wakil peribadi Perdana Menteri di Kubang Pasu pada mesyuarat bahagian itu Sabtu ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun terus mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu tanpa bertanding apabila semua cawangan di bahagian itu mencalonkannya.

Affifudin yang mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Padang Terap dicabar timbalannya, Datuk Ghazali Ibrahim, manakala bekas Ahli Parlimen Yan, Datuk Badrudin Amiruldin, yang mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Yan, dicabar bekas Ketua Pemuda bahagian, Datuk Suhaimi Abdullah.

Selain itu, Dr Mahathir dan beberapa ketua bahagian lain akan diisytiharkan menang tanpa bertanding secara rasmi pada mesyuarat perwakilan masing-masing Jumaat, Sabtu dan Ahad ini.

Antaranya, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak (Pekan); Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kota Tinggi); Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim (Arau); Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (Teluk Kemang); Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (Bentong); Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam (Kinabalu) dan penasihat agama kepada Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman (Sik).

(END)